

13/11/1999

Media asing mulakan sokongan kepada perjuangan pembangkang

KUALA LUMPUR, Jumaat - Agensi berita asing mula melaporkan secara negatif pilihan raya umum Malaysia ke-10, dengan memberi liputan meluas kepada parti pembangkang yang menyatakan rasa tidak puas hati terhadap kempen kali ini.

Agensi berita Reuters, misalnya, tanpa mendedahkan siapa mereka, memetik pemerhati politik sebagai berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengadakan pilihan raya kerana pengundi baru yang hanya layak mengundi tahun depan, kebanyakan adalah generasi muda bersikap antikerajaan dan menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Associated Press (AP) pula melaporkan kenyataan pemimpin DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang tidak puas hati dengan tempoh kempen yang singkat, menggambarkan sebagai tidak demokratik.

Agence France Presse (AFP) pula memetik kenyataan Naib Ketua Keadilan, Chandra Muzaffar, yang menganggap tempoh pengundian singkat tidak memberi masa kepada pengundi mengenali lebih dekat parti pembangkang.

Bagaimanapun, rata-rata agensi berita asing tidak yakin pembangkang akan dapat mengalahkan Dr Mahathir. Sebaliknya, mereka berpendapat, pembangkang hanya berniat menyekat Barisan Nasional (BN) daripada meraih majoriti dua pertiga di Parlimen.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata sama ada benar kemungkinan parti pembangkang menggunakan kuasa asing untuk membantu kempen pilihan raya kali ini, beliau tidak mengetahuinya.

Tetapi, katanya, kebanyakan media antarabangsa jelas cenderung menyokong parti pembangkang.

Najib berkata, keadaan itu mungkin hasil pengaruh sumbangan AS\$10 juta (RM38 juta) Anwar kepada Pusat Dasar Asia Pasifik (APPC) seperti yang didedahkan oleh bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, baru-baru ini.

Najib selepas melawat Kompleks Rumah Guru Taman Melati di Gombak, dekat sini berkata, sumbangan itu mungkin mempengaruhi kebanyakan media antarabangsa yang selama ini memang menentang dan memburukkan Kerajaan Malaysia.

Pendedahan Abdul Murad itu, katanya, menunjukkan ada rakyat berusaha menggunakan media antarabangsa untuk kepentingan peribadi sedangkan sebelum ini perkara itu tidak pernah berlaku.

Bagaimanapun, beliau percaya rakyat negara ini akan menentang dan tidak bersetuju dengan sebarang campur tangan asing dalam urusan politik mahupun pentadbiran tanah air.

"Sebagai contoh, tindakan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, secara terbuka menyokong gerakan reformasi dengan menganggap rakyat Malaysia yang terbabit sebagai berani, ketika Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Kuala Lumpur, tahun lalu, dibantah dan dikecam oleh rakyat.

"Perbuatan itu ternyata tidak menguntungkan pihak yang mereka sokong, sebaliknya rakyat menyokong kita, termasuk yang sebelum ini berada di atas pagar," katanya.

Najib juga yakin BN akan memperoleh kemenangan dan sebab itu bersedia membubarkan Parlimen.

Mengenai kemungkinan ada pihak luar yang mempertikaikan keputusan pilihan raya kali ini, Najib berkata, setakat ini Malaysia mempunyai rekod yang baik dan perkara yang tidak pernah dipertikaikan ialah kewibawaan

mengendalikan pilihan raya.

Katanya, perkara itu tidak menjadi isu kerana jika Malaysia tidak mempunyai kewibawaan, masakan parti pembangkang boleh menang dan menubuhkan kerajaan di peringkat negeri manakala BN juga pernah kehilangan banyak kerusi sebelum ini.

(END)